



21 Disember 2018

YAA Presiden Mahkamah Rayuan

YAA Hakim Besar Malaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak

YA Hakim Mahkamah Persekutuan

YA Hakim Mahkamah Rayuan

**YA Hakim Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia**

**YA Pesuruhjaya Kehakiman
Seluruh Malaysia**

YAA/YA,

**ARAHAN KETUA HAKIM NEGARA BIL. 5 TAHUN 2018
TENTANG KEMUDAHAN KERETA, PEMANDU DAN UTILITI**

A. Kereta Dan Pemandu

Menurut Perenggan 5 Jadual Kedua Akta Saraan Hakim 1971 [Akta 45], seseorang Hakim diperuntukkan kereta Kerajaan termasuk semua aksesori dan seorang pemandu. Kos penyelenggaraan kereta Kerajaan, peruntukan petrol dan minyak pelincir adalah ditanggung oleh Kerajaan.

Perenggan 6 Jadual Kedua Akta 45 pula memperuntukkan bahawa elaun bagi pemandu Hakim (termasuk elaun tempat tinggal, elaun sara hidup dan elaun lebih masa) adalah sama dengan pemandu Kerajaan sehinggalah ditetapkan selainnya oleh Kerajaan. Sehingga sekarang, Kerajaan belum membuat penetapan untuk pemandu Hakim di bawah perenggan 6 itu.

Amalan sekarang ialah Kerajaan tidak memperuntukkan pemandu kepada Hakim. Setiap pemandu Hakim diambil kerja oleh masing-masing Hakim. Walau bagaimanapun, elaun dan gaji yang layak diberikan kepada pemandu Hakim itu masih dibayar oleh Kerajaan dan bayaran-bayaran itu dibayar kepada Hakim yang mengambil kerja pemandu itu.

Namun begitu, Kerajaan telah memberi kemudahan dengan membuat bayaran terus kepada pemandu bagi pihak Hakim. Kerajaan boleh menuntut balik daripada seseorang Hakim apa-apa bayaran yang telah dibayar kepada pemandu Hakim yang sebenarnya tidak layak dibayar.

Oleh yang demikian, Hakim-Hakim hendaklah mengambil perhatian perkara-perkara seperti yang digariskan di bawah.

1. Elaun Pemandu Hakim Kerana Bertugas di Luar Ibu Pejabat

- (a) Pemandu Hakim tidak layak dibayar oleh Kerajaan elaun lebih masa, elaun penginapan dan elaun/bayaran lain kerana bertugas di luar ibu pejabat kecuali apabila membawa Hakim menjalankan tugas rasmi Hakim itu di luar ibu pejabat.
- (b) Elaun lebih masa tidak layak dibayar oleh Kerajaan untuk apa-apa tugas yang dijalankan oleh pemandu Hakim bagi maksud penyelesaian peribadi Hakim itu semata-mata.
- (c) Pada hari bekerja biasa, tuntutan elaun lebih masa hanya boleh dibuat dari masa pemandu Hakim melapor diri bekerja di rumah Hakim dan berakhir di rumah Hakim, tertakluk pada syarat dalam perenggan (a) dan (b).
- (d) Jika diarahkan bertugas pada hujung minggu dan cuti umum, tuntutan elaun lebih masa pemandu Hakim boleh dibuat bermula dari perjalanan dari rumah pemandu ke rumah Hakim dan sebaliknya, tertakluk pada syarat dalam perenggan (a) dan (b).

2. Kereta Kerajaan Yang Diperuntukkan Kepada Hakim

- (a) Peruntukan bayaran petrol yang diberikan oleh Kerajaan hanyalah untuk kereta Kerajaan yang dibekalkan oleh Kerajaan sahaja dan tidak meliputi kereta persendirian Hakim.
- (b) Untuk kemudahan pembelian petrol, setiap Hakim dibekali satu (1) kad kredit petrol sahaja. Setiap Hakim perlu memilih syarikat pembekal yang lebih mudah untuk pengisian petrol bagi kereta Kerajaan yang diperuntukkan kepada Hakim itu.
- (c) Walaupun perenggan 5 Jadual Kedua Akta 45 tidak mengehadkan jumlah petrol yang boleh dibekalkan kepada mana-mana kereta Kerajaan yang diperuntukkan kepada Hakim, namun setiap kad kredit petrol itu ada had kreditnya. Sekiranya penggunaan kad kredit petrol yang diperuntukkan kepada Hakim mencapai had kredit bagi kad itu, seseorang Hakim boleh menuntut kembali bayaran bagi petrol yang dibekalkan untuk kereta Kerajaan Hakim itu dengan mengemukakan resit bayaran bagi pembelian petrol yang dibuat oleh beliau untuk kereta Kerajaan yang diperuntukkan kepada beliau.
- (d) Setiap kereta Kerajaan yang diperuntukkan kepada Hakim dibekalkan dengan buku log dan pemandu Hakim hendaklah membuat pengisian serta pengemaskinian yang sewajarnya. Contoh pengisian dan pengemaskinian yang sewajarnya ditunjukkan dalam Lampiran 'A'.

B. Kemudahan Utiliti

1. Kemudahan Bekalan Utiliti, Telefon dan Internet Rumah Hakim

Di bawah perenggan 15 dan 15A Jadual Kedua Akta 45 seseorang Hakim layak dibayar balik bayaran yang dibuat untuk bekalan utiliti, telefon dan internet bagi rumah yang diduduki oleh Hakim itu.


Bagi maksud bayaran balik itu, tuntutan hanya boleh dibuat untuk satu sahaja rumah kediaman yang diduduki oleh Hakim itu.

2. Bayaran Bil Telefon Mudah Alih

Di bawah perenggan 15A, Jadual Kedua Akta 45, seseorang Hakim layak dibayar balik bayaran yang dibuat untuk bil telefon mudah alih tidak melebihi RM500 sebulan. Sekiranya penggunaan tidak mencapai RM500 pada bulan semasa, perbezaan antara penggunaan bulan semasa itu dengan jumlah kelayakan tidak boleh dibawa ke hadapan bagi maksud tuntutan bulan berikutnya.

PERMULAAN KUAT KUASA

Arahan ini berkuat kuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.



(TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA RICHARD MALANJUM)
Ketua Hakim Negara

Salinan Kepada:

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Kompleks Mahkamah Kuching
SARAWAK

Pengarah Bahagian Dasar dan Perundangan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pengarah Bahagian Pengurusan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Setiausaha kepada YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Setiausaha kepada YAA Hakim Besar Malaya
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Setiausaha kepada YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Setiausaha kepada YA Hakim Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Setiausaha kepada YA Hakim Mahkamah Rayuan
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Setiausaha kepada Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Seluruh Malaysia

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA